


## ULASAN BUKU



Wan Haslindawani Wan Mahmood  
**100 persoalan mengenai pemindahan darah**  
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.  
103ms.  
ISBN 978-983-46-1770-7

## ULASAN

"Doktor, adakah darah yang saya terima ini selamat? Adakah saya boleh mendapat HIV selepas menerima bekalan darah baharu?" Begitulah antara persoalan yang sering dilontarkan oleh pesakit apabila doktor menerangkan bahawa dia perlu menerima darah baharu. Mengapakah perkara ini berlaku? Adakah benar pesakit akan mendapat penyakit berbahaya kesan pemindahan darah? Buku *100 Persoalan Mengenai Pemindahan Darah* mengupas 100 soalan yang berkaitan dengan kaedah rawatan pemindahan darah.

Buku yang mengandungi tujuh bab ini berbentuk soalan dan jawapan dan penulis telah memberi penjelasan yang mudah difahami tentang setiap persoalan yang sering diajukan kepada pengamal perubatan bagi meningkatkan kefahaman masyarakat tentang proses dan rawatan pemindahan darah. Ianya dimulakan dengan memberi pengenalan tentang apa yang perlu diketahui berkaitan dengan darah dan bagaimana

untuk mendapatkan sumber darah dan komponen darah yang diperlukan oleh pesakit daripada penderma sukarela. Derma darah adalah penting dalam membantu pesakit yang menghidap penyakit yang berkaitan dengan darah. Setiap satu beg darah yang diperolehi akan diproses untuk menghasilkan beberapa komponen termasuk sel darah merah utuh, platelet. Pengasingan darah kepada beberapa komponen perlu dilakukan kerana setiap komponen ini mempunyai fungsi yang berbeza bagi tujuan pemindahan darah.

Dalam buku ini juga dihuraikan apakah yang dimaksudkan dengan kumpulan darah dan jenis kumpulan darah yang wujud dalam diri manusia. Kumpulan darah manusia dikelaskan kepada empat kumpulan yang berbeza iaitu A, B, AB dan O. Jenis kumpulan darah adalah terwaris dan disumbangkan oleh kedua ibu bapa.

Seterusnya ia menerangkan dengan lebih lanjut tentang pemindahan darah dan isu-isu berkaitan, serta siapa yang harus menerima pemindahan darah dan mengapa pemindahan darah perlu dijalankan.

Pembaca juga dapat memahami prosedur dan tatacara yang terlibat dalam proses pemindahan darah dalam bab enam. Ianya bermula dari proses selepas darah diterima dari penderma yang akan melalui pemprosesan komponen dan ujian saringan terhadap virus dan penyakit. Darah akan disimpan di dalam peti sejuk kuarantin sehingga keputusan ujian diterima. Sebelum darah dipindahkan, ujian keserasian dilakukan dengan darah pesakit untuk menentukan kesesuaian. Huraian tentang kesan sampingan dan risiko jangkitan penyakit berbahaya akibat menerima darah yang tercemar berupaya menakutkan pesakit dan ahli keluarga yang lain

Buku ini agak menarik dan sesuai untuk bacaan umum khususnya golongan dewasa kerana diolah dalam bentuk soalan dan jawapan. Penulis mengutarakan soalan lazim ditanya oleh pesakit dan memberi penerangan terperinci tentang sesuatu isu dengan gaya bahasa yang mudah difahami oleh pembaca beserta ilustrasi. Penulis juga menggunakan bab-bab untuk membezakan satu-satu isu yang dibincangkan bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman terhadap proses pemindahan darah. Semoga maklumat yang diberikan mampu mengubah persepsi negatif bukan sahaja

dalam kalangan pesakit, malah seluruh anggota masyarakat berkaitan dengan isu pemindahan darah. Ini bagi memastikan masyarakat umum dapat memahami kepentingan dan kebaikannya.

**Pengulas:**


**Mohamad Sharizal Omar**

Penolong Pengarah

Bahagian Gerakan Literasi Maklumat

Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



Anuar Haniff  
**GST inovasikan kewangan kurangkan kos kehidupan**  
Ampang, selangor : Pekan Ilmu, 2015. 177ms.  
ISBN 978-967-438-015-1

## ULASAN

Topik utama buku ini membincangkan tentang fenomena kenaikan mendadak kos kehidupan yang bakal memberi kesan yang buruk kepada kedudukan kewangan kita serta keluarga jika tiada langkah perancangan kewangan yang efektif untuk menanganinya. Buku ini menerangkan mengenai senario kos kehidupan dan mengapa teknik membuat duit semakin penting. Kita juga mendapat kefahaman yang lebih jelas tentang manfaat jangka masa panjang Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST) kepada rakyat melalui penerangan yang dikemukakan dalam Bab 1.

Buku ini juga menggariskan beberapa rahsia/teknik buat duit berkesan dan seterusnya boleh menangani kos kehidupan seharian dengan efektif. Antara pengajaran pengurusan kewangan dan pelaburan yang diperolehi dengan membaca buku ini adalah perlu adanya kekentalan minda dan jiwa untuk mencapai kejayaan serta kemewahan. Untuk memastikan rancangan kewangan jangka panjang dapat dilaksanakan dengan berkesan, aspek disiplin dan ketabahan merupakan elemen utama yang perlu ada pada diri

seseorang.

Langkah penjimatan terancang telah digarap oleh penulis dengan berkesan. Setiap pelan perancangan kewangan memerlukan aktiviti pantauan duit keluar masuk dari kocek. Sebarang kejayaan kewangan dapat dicapai dengan perbelanjaan berhemat dan berlandaskan keperluan dan bukan kehendak.

Konsep memanfaatkan (*leverage*) yang merupakan sebahagian daripada amalan harian sama ada sedar atau tidak juga dibincangkan. Penerangan yang jelas tentang penggunaan teknik *leveraging* di mana dengan bermodalkan wang yang sedikit bakal menjana keberhasilan yang lebih besar.

Menukar hutang/liabiliti kepada aset juga dibincangkan dalam buku ini dan ianya merupakan faktor penting yang perlu diambil kira dalam teknik buat duit secara berkesan. Seseorang perlu menilai kembali kedudukan kewangan keseluruhannya dengan melihat nilai aset berbanding dengan hutang/liabiliti. Isu seterusnya yang dibincangkan adalah tentang pelaburan yang selamat lagi berkos rendah dengan memberi teknik-teknik berkesan membuat duit dengan jalan/pelaburan yang selamat lagi berkos rendah dengan memaparkan jadual dan contoh-contoh yang mudah untuk difahami.

Bab yang paling menarik perhatian saya adalah bab 12 iaitu tentang kemudahan serta produk kewangan peribadi bagi pendapatan RM3,000 sebulan ke bawah. Bab ini menyentuh tentang beberapa kemudahan perkhidmatan serta produk kewangan peribadi yang sesuai bagi golongan yang berpendapatan rendah iaitu sekitar RM3,000 ke bawah terutamanya yang bermastautin di bandar-bandar besar. Produk kewangan yang diwarwarkan adalah yang direka khas oleh kerajaan/syarikat GLC bagi menangani permasalahan kos kehidupan yang tinggi serta kekurangan wang tabungan oleh golongan yang berpendapatan rendah. Setiap produk yang diwarwarkan disertakan dengan penerangan dan penjelasan tentang manfaat serta bagaimana cara untuk memohon kemudahan produk tersebut. Antaranya adalah Skim Amanah Rakyat 1Malaysia, Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia dan Perumahan 1Malaysia.

Sebagai kesimpulannya, buku ini banyak memberi manfaat dan dapat meningkatkan


kefahaman tentang teknik buat duit berkesan bagi menangani kenaikan kos kehidupan yang boleh dimulakan dengan minda serta inisiatif diri sendiri, sentiasa mencari peluang serta ruang untuk membina platform kekayaan. Isi kandungannya dirumuskan dalam jadual dengan penggunaan bahasa yang mudah difahami. Sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat yang telah terkesan dengan kenaikan harga barangan dan pelaksanaan GST.

**Pengulas:**

**Ibrahim Sabtu**

Pembantu Perpustakaan Kanan Tertinggi  
Bahagian Gerakan Literasi Maklumat  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



Yazid Abdul Manap  
**Jadi pemimpin hebat : Ayuh! bentuk diri jadi pemimpin sehebat Rasulullah**  
Shah Alam : Grup Buku Karangraf, 2015. 381ms.  
ISBN 978-967-86-0458-1

## ULASAN

*Jadi Pemimpin Hebat* merupakan sebuah buku yang memberi panduan secara menyeluruh kepada setiap individu yang ingin bergelar pemimpin. Pelbagai aspek yang perlu diteliti dan dikaji oleh seorang pemimpin bagi melayakkan beliau digelar pemimpin hebat.

Dalam buku setebal 381 muka surat ini topik tersebut dibincangkan secara ringkas tetapi padat dengan hujah dan dalil yang disandarkan kepada al-Quran, Hadith dan sejarah kecemerlangan pemimpin-pemimpin dunia yang hebat sama ada dari kacamata Islam dan Barat. Pemimpin yang hebat memerlukan semua karektor diri yang positif yang berteraskan kepada al-Quran dan Sunnah dan menzahirkannya melalui ciri-ciri seperti beriman, berakhlak mulia, bijaksana, sabar, tawakal, rendah diri dan pelbagai lagi.

Penulis turut mengetengahkan teori kepimpinan seperti teori kepimpinan agung, teori karisma, teori sifat, teori perlakuan, teori situasi melalui pelbagai gaya kepimpinan seperti

kepimpinan al-Quran, kepimpinan etika, kepimpinan quantum, kepimpinan kubik dan kepimpinan 4E. Kehebatan seorang pemimpin juga ditonjolkan melalui pegangan visi yang hebat. Sebagai contoh, kepimpinan yang hebat boleh dilihat melalui visi kepimpinan Rasullulah S.A.W., visi para sahabat baginda, visi kepimpinan Sultan Muhammad al-Fatih, visi Al-Biruni dan ramai lagi pemimpin-pemimpin dunia yang berjaya mengembangkan sayap pemerintahan dengan melakukan pelbagai perubahan melalui corak pemerintahannya yang amat dikagumi.

Buku ini juga mengaitkan kehebatan pemimpin melalui sudut ketuhanan seperti kejayaan kepimpinan melalui ibadat solat. Solat itu memimpin manusia untuk menjadi seorang yang menghargai masa, menepati janji, fokus dalam pekerjaan, menjauhi perbuatan keji dan mungkar, cerdas akal dan fikiran, sentiasa berdisiplin dan berakhlak mulia.

Pemimpin yang hebat juga ialah yang mampu bekerja dalam pasukan kerana tanpa kerjasama di antara pengikut, visi dan matlamat yang dihasratkan oleh seorang pemimpin tidak dapat dicapai. Selain itu, sikap dan cara komunikasi juga menentukan kejayaan seorang pemimpin. Penulis menampilkan komunikasi baginda Rasulullah S.A.W. yang lemah lembut, menggunakan hikmah dan nasihat, gaya bahasa jelas dan menyebut perkara yang penting berulang kali. Penulis menonjolkan juga kejayaan pemimpin seperti Nelson Mandela, Abraham Lincoln, Soekarno dan Alexander Agung yang berjaya menarik perhatian para pengikutnya untuk berjuang merealisasikan misi perjuangan melalui gaya komunikasi yang sangat menarik menerusi kebenaran kata-kata dan cara pemujukan para pengikut.


Kesimpulannya buku *Jadi Pemimpin Hebat* adalah sebuah buku yang sarat dengan panduan melalui contoh teladan yang dibawa oleh kepimpinan Rasullulah S.A.W., para khalifah Islam dan kejayaan para pemimpin barat yang berjaya membuktikan kejayaan mereka melalui pembinaan tamadun dan menjadi ikutan dan kebanggaan masyarakat dunia.

**Pengulas:**

**Nor Azila Mohd Noor**  
Penolong Pengarah  
Bahagian Gerakan Literasi Maklumat  
Perpustakaan Negara Malaysia



## ULASAN BUKU



Musbikin, Imam  
**Kelebihan puasa bagi merawat diabetes**  
Batu Caves, Selangor : Al-Hidayah House of  
Publishers, 2015. 376ms.  
ISBN 978-967-439-236-9

## ULASAN

*Kelebihan Puasa Bagi Merawat Diabetes* adalah sebuah buku terjemahan daripada karya asal oleh Imam Musbikin seorang penulis dari Indonesia dan telah digarap dan diterjemahkan oleh Rafidah binti Rizal serta disemak oleh Panel Editor Al-Hidayah.

Buku ini mengandungi lapan (8) bahagian, di mana setiap bahagian mengandungi artikel yang dihuraikan dengan jelas dan terperinci. Penulis juga menghuraikan permasalahan yang sering diperkatakan oleh pengidap penyakit diabetes. Berpuasa di bulan Ramadan merupakan satu cabaran kepada pesakit diabetes kerana mereka berisiko untuk mendapat serangan hipoglisemia, hiperglisemia dan dihidrasi. Dikemukakan juga beberapa tips sihat yang boleh dijadikan panduan. Turut diselitkan ayat-ayat al-Quran dan hadis sebagai dalil.

Penulis memulakan kupasan buku ini dengan memberi penerangan tentang ibadah puasa. Puasa adalah salah satu rukun Islam, justeru diwajibkan kepada setiap umat

Islam. Bahagian ini memfokuskan tentang adab, hikmah, waktu berbuka, waktu bersahur dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Buku ini membincangkan mengenai pelbagai perubahan metabolik ketika berpuasa. Kita sedia maklum bahawa kepentingan berpuasa juga telah terbukti melalui kajian-kajian saintifik yang mempengaruhi fungsi-fungsi kimia dalam badan manusia. Di samping itu, bulan Ramadan juga dapat memberi impak yang positif kepada tubuh badan kita agar berfungsi dengan lebih baik.

Berpuasa dapat menghindari tekanan yang memburukkan lagi diabetes. Pada era globalisasi ini, setiap orang sering mengalami tekanan yang sukar dibendung secara efektif. Hal ini mengakibatkan penyakit-penyakit yang tidak diingini akan mudah menyerang individu tersebut. Tekanan adalah salah satu faktor yang mendorong kepada diabetes. Tekanan juga menurunkan sistem kekebalan tubuh serta menjejaskan kesihatan dan fikiran seseorang. Puasa merupakan medium terbaik dalam menangani masalah ini dan secara tidak langsung mendekatkan diri kepada Allah.

Penulis turut memfokuskan mengenai hubungan antara diabetes, puasa dan kesabaran. Sekiranya menghidap diabetes, hadapilah dengan sabar dan tidak panik. Setiap penyakit ada ubat dan penawarnya. Berpuasa juga dapat meredakan kemarahan dan menjadikan hati lebih tenang dan bersabar dalam menghadapi apa jua situasi. Nabi Muhammad S.A.W. telah menggariskan cara-cara mengendalikan kemarahan dan salah satunya ialah dengan berpuasa.

Perkara yang perlu dititikberatkan oleh penghidap diabetes ketika bersahur dan berbuka puasa turut dihuraikan. Pesakit perlu mendapatkan khidmat nasihat daripada pakar atau pegawai perubatan sebelum bulan ramadhan dan lebih baik lagi sekiranya mendapat nasihat daripada Pegawai Dietetik. Pesakit diabetes masih boleh menjalani ibadah puasa, tetapi mereka perlu melewati masa sahur dan menyegerakan berbuka puasa. Corak pemakanan perlulah seimbang. Perkara ini amat penting bagi mereka yang mengambil insulin atau ubat diabetes. Berbuka puasa dengan kurma merupakan salah satu sunnah Rasulullah S.A.W. kerana kurma mempunyai seribu satu khasiat. Penghidap diabetes tidak digalakkan mengambil makanan berasaskan tepung kerana

makanan jenis ini lebih cepat ditukar menjadi glukos di dalam tubuh.

Berdasarkan kajian, tidak semua penghidap diabetes mampu berpuasa. Mereka perlu mengatur jadual pemakanan dan peraturan pengambilan ubat perlu dipatuhi agar tidak mengalami masalah hipoglisemia. Perancangan dan persediaan rapi sebelum berpuasa perlu dititikberatkan seperti mendapatkan pemeriksaan kesihatan. Selain kadar gula di dalam darah, pemeriksaan seperti tekanan darah, kolesterol dan fungsi buah pinggang juga amat penting. Doktor akan menasihat dan menilai keadaan pesakit sama ada dibolehkan untuk berpuasa atau tidak. Niat untuk berpuasa juga mempengaruhi diri secara psikologi terhadap kemampuan berpuasa.

Ternyata puasa mempunyai pelbagai manfaat bagi kesihatan secara umum. Puasa dapat meningkatkan daya ketahanan tubuh. Puasa bagi orang yang sihat akan mengurangkan risiko menghadapi penyakit diabetes. Dengan berpuasa juga seseorang akan sihat jasmani, rohani dan hubungan sosialnya. Nabi Muhammad s.a.w bersabda, yang diriwayatkan oleh Ibnu Sunny dan Abu Nu'aim, "*Berpuasalah, maka kalian akan sihat*". Dengan berpuasa, fungsi hormon akan seimbang dan terhindar daripada beberapa penyakit. Berpuasa dapat membersihkan sistem tubuh daripada pelbagai racun yang terbentuk melalui pola pemakanan yang tidak seimbang.

Buku ini amat berguna untuk dijadikan panduan, bimbingan, rujukan dan amalan sepanjang hayat. Buku ini disyorkan untuk bacaan setiap muslim bagi melancarkan ibadah puasa. Bahasa yang digunakan mudah difahami dan mendorong pembaca memahami maklumat yang ingin disampaikan. Buku ini dicadangkan untuk bacaan setiap muslim.

**Pengulas:**


**Thalathiah Awang**

Pembantu Perpustakaan Kanan Tertinggi

Bahagian Komunikasi Korporat

Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



Nik Hazlina Nik Hussain, Nazirah Johar dan  
Intan Juliana Abdul Hamid  
**Panduan penyusuan bagi ibu berkerjaya**  
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.  
117ms.  
ISBN 978-983-49-0191-2

## ULASAN

Buku ini memberi pendedahan ibu-ibu berkerjaya tentang penyusuan bayi. Pengarang juga memperincikan kepentingan penyusuan ibu, persediaan asas bagi ibu yang bekerja yang ingin meneruskan penyusuan ibu, amalan dan permasalahan dalam penyusuan ibu, hak bayi terhadap susu ibu, pengetahuan dan kemahiran yang perlu ada pada ibu sebagai persediaan untuk penyusuan ibu. Isu-isu berkaitan penyusuan bagi ibu bekerja diolah supaya dapat dijadikan panduan kepada ibu dan bakal ibu. Selain itu juga, turut diketengahkan pandangan peribadi beberapa orang ibu dalam menghadapi dilema dan masalah yang timbul dalam proses menyusui anak.

Penulis memulakan perbincangan dengan penekanan tentang kepentingan penyusuan ibu kepada bayi yang berkhasiat dibandingkan susu formula. Justeru, ibu berkerjaya yang bercadang menyusukan bayi mereka disaran untuk membuat persediaan aspek peralatan dan sokongan. Persediaan alatan penyusuan yang lengkap amat penting untuk memastikan proses penyusuan kepada bayi berjalan sempurna. Sementara itu

sokongan dari ahli keluarga juga penting untuk memberikan dorongan agar emosi dan fizikal ibu sentiasa di dalam keadaan baik bagi tujuan penyusuan bayi.

Perkara seterusnya yang dibincangkan ialah tentang penghasilan susu ibu dan langkah-langkah penjagaan susu seperti dari aspek kemahiran memerah susu, penyimpanan dan penggunaan susu perahan serta pencairan dan penyusuan susu perah.

Bab seterusnya menyentuh tentang amalan dan permasalahan penyusuan ibu. Pengarang lebih cenderung untuk berkongsi tentang penjagaan kesihatan oleh para ibu. Bab ini turut mengandungi nasihat tentang amalan bagi memperbanyakkan susu dan juga pengurangan susu. Masalah penyusuan bayi turut diolah dalam bab ini selain turut menyentuh tentang kekuatan dan semangat yang perlu ada pada setiap ibu dalam proses penyusuan.

Buku ini sesuai untuk dijadikan sebagai bahan rujukan oleh ibu-ibu bekerja, pegawai kesihatan, pakar nutrisi dan dietetik, pelajar perubatan dan pelajar kejururawatan.

**Pengulas:**

**Muhammad Azizi Muhammad Rani**  
Penolong Pustakawan  
Bahagian Gerakan Literasi Maklumat  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



Anuar Haniff  
**Rahsia di sebalik 8 huruf disiplin**  
Ketengah Jaya, Terengganu : Bazri Alias, 2014. 258ms.  
ISBN 978-983-808-190-0

## ULASAN

Apabila sesuatu kerja memperoleh kejayaan, semestinya kita digelar orang berjaya. Buku ini memberikan tip-tip motivasi untuk berjaya. Berapa ramai orang yang tidak memperoleh kejayaan dalam kerjaya. Kegagalan demi kegagalan dalam hidup kebanyakannya berpunca daripada kegagalan kita mendisiplinkan diri sendiri. Kita boleh berjaya dalam hidup dengan membuat sedikit perubahan terhadap disiplin diri. Buku ini memberi sedikit nilai tambah dalam mempertingkatkan ilmu, kemahiran dan keyakinan pembaca dalam meneroka jalan menuju kejayaan.

Disiplin merupakan aspek yang sering dibincangkan semenjak dahulu sehingga kini. Oleh itu, apabila disiplin telah wujud dalam diri seseorang, maka tidak mustahil untuk kita menjadi seorang berjaya. Disiplin merupakan satu proses mengawal diri sendiri dan patuh kepada tata tertib (peraturan) untuk menjadi seorang yang berjaya.

Buku ini merangkumi 8 strategi utama untuk menjadi seorang berjaya berinti-pati daripada perkataan disiplin. Bagi mencapai kejayaan kita perlu memahami 8 rahsia buku ini yang telah ditafsir dan dicerakinkan setiap huruf disiplin oleh penulis.

Strategi pertama berkaitan disiplin ialah tentang diri sendiri yang diambil daripada huruf pertama disiplin iaitu 'D'. Bab ini menekankan kepada tanggungjawab diri sendiri untuk melangkah sebagai seorang yang berjaya. Motivasi dalam diri kita akan menyemarakkan semangat untuk bergelar manusia cemerlang. Diri kita adalah tanggungjawab kita dan perubahan itu perlu bermula daripada diri kita sendiri.

Strategi kedua membicarakan tentang iltizam yang diambil daripada huruf kedua disiplin iaitu 'I'. Setiap orang mempunyai iltizam yang berbeza-beza. Bab ini mengajar kita cara-cara bagaimana untuk membentuk iltizam dalam diri kita sehingga menjadi seorang insan yang berjaya.

Strategi ketiga membawa kita dalam berbincang tentang huruf 'S' iaitu strategi. Strategi yang betul dan tepat membolehkan kita menuju ke matlamat dalam landasan yang betul. Strategi yang kurang tepat perlu dibuat penambahbaikan untuk merubah hidup ke matlamat yang betul.

Strategi keempat memberi fokus kepada integriti yang diambil daripada huruf keempat iaitu 'I'. Integriti berkait rapat dengan pembentukan dan pengukuhan etika yang baik serta melaksanakan perkara yang betul. Integriti sebenarnya terbentuk hasil daripada kekuatan rohani, mengawal hawa nafsu, menyucikan hati dan membentuk akhlak yang terpuji.

Strategi kelima membincangkan tentang prihatin yang merupakan huruf kelima daripada perkataan disiplin iaitu 'P'. Sikap prihatin akan membantu seseorang itu memahami keperluan semasa masyarakat. Sebagai manusia kita harus mengetahui kekuatan dan kelemahan diri kita dalam mencapai impian kita sebagai insan yang berjaya.

Strategi keenam membicarakan tentang latihan yang merupakan huruf ketujuh iaitu 'L'. Latihan merupakan aspek penting untuk kita berjaya atau menjadi cemerlang. Latihan

yang mantap dan teknik-teknik latihan secara konsisten dan berterusan akan membuahkan hasil yang besar dalam kita mengejar impian dan cita-cita kita.

Strategi ketujuh mengutarakan isu berkaitan istiqamah daripada huruf ketujuh iaitu 'I'. Pelaksanaan yang berterusan dengan gandingan kaedah yang betul akan membuahkan hasil yang begitu besar. Penghasilan yang terbaik memerlukan istiqamah iaitu berusaha berterusan pada landasan yang betul. Sifat istiqamah ini merupakan salah satu sifat yang amat penting bagi kita dalam mengorak kejayaan dalam hidup kita.

Strategi terakhir ialah niat yang merupakan huruf terakhir iaitu 'N'. Niat yang lurus membantu kita mengenalpasti niat yang betul, membantu kita berada dalam emosi yang stabil setelah kita mencapai kejayaan nanti. Niat akan menghasilkan tingkah laku yang betul dengan cara yang betul. Insan yang berjaya perlu ada niat yang baik tanpa menipu seseorang.

Apa yang diketengahkan oleh penulis dalam buku ini ialah dengan disiplin hidup kita akan lebih teratur. Disiplin diri yang tinggi akan mengumpulkan segala bentuk tenaga, kebolehan dan kemahiran pemikiran aras tinggi kita terhadap sesuatu pekerjaan. Disiplin merupakan satu wadah bagi kita untuk menentukan arah tuju serta matlamat kita tercapai atau sebaliknya. Kekuatan disiplin diri yang wujud dalam diri kita akan menentukan sejauh mana kejayaan kita pada masa hadapan.

**Pengulas:**

**Subramaniam a/l Kuppusamy**


Penolong Pustakawan

Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan

Perpustakaan Negara Malaysia



## ULASAN BUKU



Mohd Zulkifli Shafie  
**Zero hutang : bukan mudah tapi tak mustahil**  
Petaling jaya : Galeri Ilmu, 2015. 172 ms.  
ISBN 978-983-097-548-1

## ULASAN

*Zero Hutang : Bukan Mudah Tapi Tak Mustahil* merupakan sebuah buku sumber inspirasi bermotivasikan kewangan yang memberi tip serta strategi berdasarkan pengalaman penulis untuk keluar daripada cengkaman hutang. Dalam buku ini, penulis membahagikan skop penulisannya kepada 4 segmen daripada cara menguruskan simpanan, motivasi kewangan, pengurusan hutang serta strategi kekayaan.

Penulis menekankan bahawa mereka yang ingin bebas daripada hutang perlu berdisiplin menyimpan sekurang-kurangnya 10% daripada pendapatan mulai sekarang kerana kekayaan yang dimiliki bukan berdasarkan tingginya pendapatan tetapi berapa banyak simpanan seseorang itu. Kita juga perlu tetapkan matlamat kewangan semasa menyimpan agar kita lebih berdisiplin menyimpan dan belajar mengekang nafsu berbelanja.

Perbincangan seterusnya berkisar tentang simpanan dalam bentuk emas kerana nilai emas tidak pernah turun berbanding nilai wang tunai. Ia adalah pelaburan yang paling selamat kerana ia kekal berharga sepanjang zaman. Emas ialah *real property*. Namun begitu, sebelum membeli emas untuk pelaburan, kita disarankan supaya perlu ada simpanan tunai sekurang-kurangnya tiga hingga enam bulan pendapatan untuk waktu-waktu kecemasan dan tidak menanggung hutang mudarat (*bad debt*). Simpanan emas sesuai dijadikan simpanan untuk jangka panjang. Walaupun harga emas ada turun naiknya, ikut rekod pergerakannya sentiasa menaik.

Aset fizikal hartanah juga adalah antara pelaburan yang agak selamat. Mereka yang mempunyai tunai boleh membeli hartanah pada masa kegawatan kerana harga hartanah akan merudum, permintaannya sangat rendah kerana kadar faedah pinjaman ketika itu cukup tinggi.

Buku ini turut menyentuh mengenai tabiat suka bertukar-tukar kereta yang merupakan punca menghalang seseorang itu kaya. Cara berfikir orang biasa, mereka akan membeli apa sahaja yang paling mampu sampai tidak berbaki malah ada yang terjebak dengan kad kredit dan ansuran bulanan demi untuk nampak bergaya. Manakala orang hendak kaya atau kaya akan berbelanja di bawah kemampuan serta tahu membezakan yang mana keperluan dan yang mana kemahuan sebelum membuat keputusan berbelanja.

Kaya atau sempit kebanyakan bukan disebabkan oleh nasib tapi disebabkan pilihan, ia bukan persoalan takdir tapi soal tadbir. Kesempitan hidup merupakan pelajaran daripada Allah. Jika kita '*pass paper*' dengan ujian ini, kita akan nikmati kesenangan. Jika tidak kita terpaksa '*repeat paper*' tersebut berulang kali sehingga lulus.

Mengurus kewangan bukan sekadar persoalan duit masuk dan keluar tetapi juga membetulkan sikap dan tabiat tentang kewangan. Ini terbukti dengan ramai yang pendapatannya bertambah tetapi dalam masa yang sama kerak hutang pun turut meningkat akibat jahil tentang pengurusan wang.

Setiap orang perlu berhati-hati dengan hutang yang dibuat kerana anda akan membelanjakan pendapatan masa depan anda. Ia akan menyebabkan nilai kekayaan

seseorang itu tidak sedikit pun bertambah. Konsep *'time for money trap'* membuatkan kita terpaksa terus bekerja untuk membayar hutang.

Simpanan yang banyak sebenarnya tidak cukup tapi ia masih membantu. Orang kaya biasanya akan buat duit daripada simpanan (aset) sebagai pendapatan pasif yang terjamin pendapatannya. Mereka buat duit daripada aset dan bukan dari pekerjaan. Kelangsungan mereka berterusan dengan mengurus serta membesarkan aset hasil daripada pendapatan pasif itu sendiri demi mencapai kebebasan kewangan (*financial freedom*).

Sebelum mahu menjadi pelabur yang besar, belajar dahulu untuk berbisnes sebab itu jalan yang dilalui oleh kebanyakan orang kaya. Prinsip bisnes 'biar kecil asalkan berhasil' perlu dibuat dengan betul serta sabar. Berbisnes, salah satu jalan memberi manfaat sesama manusia yang membawa pulangan keuntungan 200% hingga 400%.

Kesimpulannya, kebebasan kewangan bukan bersandarkan gaji yang besar dan duit yang banyak, tetapi punya aliran tunai masuk yang tetap tanpa perlu bekerja. Buku ini sesuai dibaca oleh mereka yang dibebani hutang dan inginkan kebebasan kewangan. Dengan gaya tulisan yang santai dan bersifat umum, buku ni tidak memberi masalah besar kepada pembaca untuk menghadam maksud yang hendak disampaikan oleh penulis.

**Pengulas:**


**Norhasliza Md Salleh**

Pembantu Perpustakaan

Bahagian Perancangan Strategik Dan Antarabangsa

Perpustakaan Negara Malaysia


## SINOPSIS BUKU



HM Tuah Iskandar  
**100 tips kuat : mental,  
spiritual, fizikal**  
Shah Alam : Grup Buku  
Karangkraf, 2015. 425ms.  
ISBN 978-967-86-0539-7

Setiap insan di dunia ini perlukan sokongan untuk menguatkan rohani dan jasmaninya. Dr. HM Tuah cuba mengupas akan kepentingan motivasi kepada hidup seseorang sebagai penyokong kekuatan dalaman diri. Pelbagai persoalan telah dibincangkan bagi menjawab pertanyaan-pertanyaan dari pembaca, di samping contoh-contoh yang relevan dan sesuai, supaya pembaca lebih memahami dan jelas akan jawapan dari persoalan-persoalan yang dikemukakan. Penulis juga tidak lokek dengan ilmu pengetahuan yang diperolehi daripada pengalaman untuk dikongsi bersama. Saranan-saranan yang turut dikaitkan dengan isu-isu semasa dalam buku ini akan membuka minda dan memberi inspirasi kepada pembaca agar sentiasa berfikiran positif. Sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat kerana bahasa yang ringkas dan mudah difahami.

## SINOPSIS BUKU




Ummi Ilman & Ezzat Adnan  
**101 info seronoknya  
berdoa**

Batu Caves, Selangor : PTS  
Pub. House, 2015. 67ms.  
ISBN 978-967-411-330-8

Doa adalah satu ibadah yang sering dilakukan oleh semua umat Islam, namun tidak ramai yang tahu kelebihan setiap doa yang diucapkan, pengertiannya, adab-adabnya serta pelbagai lagi perkara tentang berdoa terutamanya dalam kalangan kanak-kanak. Oleh itu, buku ini menyediakan pengetahuan asas mengenai amalan berdoa supaya kanak-kanak mendapat gambaran yang lebih jelas tentang amalan harian ini. Ia juga sesuai untuk menambah pengetahuan kanak-kanak dalam mengenal doa yang sesuai diamalkan setiap hari. Buku ini juga menyediakan pengetahuan asas mengenai amalan berdoa supaya kanak-kanak mendapat gambaran yang lebih jelas tentang amalan harian ini. Buku ini sesuai untuk dijadikan langkah pertama bagi memperkenalkan doa dan keistimewaannya kepada anak-anak.

## SINOPSIS BUKU




Muhamad Mat Yakim  
**Aduhai suami :  
menyingkap kerenah  
kaum lelaki**

Shah Alam : ALAF 21 (Grup  
Buku Karangkrak), 2015.  
333ms.  
ISBN 978-967-446-075-4

*Aduhai Suami* adalah himpunan rencana pilihan mengenai rencah kehidupan seharian kaum Adam. Perihal telatah mereka dalam melayari bahtera rumah tangga dirungkai dalam pelbagai ragam dan kisah-kisah realiti yang mencuit hati. Di sebalik kerenah, perilaku pelik serta keegoaan si suami, adakalanya gelagat mereka memang sukar diduga dan dijangka. Adakah sukar untuk memahami mereka? Dalam sesebuah perhubungan, kita harus berterus terang tidak kira sebagai suami, isteri mahupun kekasih. Jangan simpan keburukan di dalam kerana sikap itu lama-kelamaan hanya akan memakan diri yang akan memberi tekanan perasaan.


## SINOPSIS BUKU



Yeop Hussin Bidin  
**Aktifkan pemasaran anda!**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2015.  
148ms.  
ISBN 978-983-46-1459-1

Aktiviti pemasaran bukanlah suatu usaha yang statik. Pelbagai kaedah mesti diusahakan untuk memenuhi kehendak pasaran. Fikiran dan tenaga juga perlu digembleng bersama demi memastikan barangan yang dihasilkan dapat dipasarkan dengan jayanya. Buku ini mendedahkan proses pemasaran yang bermula daripada memahami wawasan dan matlamat perniagaan hinggalah membicarakan aspek aktiviti pemasaran yang dijalankan. Buku ini dirangka khusus untuk kita mengetahui dan mempelajari amalan-amalan pemasaran yang telah dirancang oleh syarikat-syarikat perniagaan. Penulis berharap dapat memberikan rangsangan dan dorongan kepada pengusaha dan penjual agar mampu bertindak dengan lebih efisien dan berdaya saing sekali gus berjaya memasarkan barangan secara lebih efektif.

## SINOPSIS BUKU




Abdul Aziz Hussin  
**Aspek terpilih dalam  
undang-undang  
pentadbiran**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2015.  
241ms.  
ISBN 978-983-46-1556-7

Buku ini mengetengahkan lapan aspek kecil yang dikira amat penting diketahui dan dipatuhi bukan sahaja oleh pihak pentadbiran tetapi juga ahli masyarakat bagi menegakkan konsep adil dan saksama dalam undang-undang pentadbiran. Tujuannya agar pentadbiran negara dan masyarakat mencapai salah satu objektifnya, iaitu pentadbiran yang baik dengan sokongan undang-undang yang baik. Ini meliputi aspek kuasa dan pelaksanaannya, elemen kuorum dan majoriti, aplikasi kemunasabahannya, penerapan konsep budi bicara dalam pelaksanaan tugas dan kuasa, elemen *factus officio* dalam sesuatu keputusan, perkara-perkara yang berkaitan dengan masa pelaksanaan dan had masa, dimensi kaedah mengecuali dan menafikan liabiliti dalam melaksanakan tugas. Elemen yang tidak kurang pentingnya dalam aspek undang-undang pentadbiran adalah kesetiaan kepada organisasi. Penulis berharap buku ini dapat menyumbang ke arah pelaksanaan pentadbiran negara yang baik, penjawat yang cemerlang, organisasi awam yang mantap dan akhirnya membawa kepada kehidupan rakyat yang sejahtera.




## SINOPSIS BUKU



Hamidah Mat  
**Batalakah puasa saya? :  
kaedah perubatan moden  
dan kesan terhadap  
ibadah puasa**  
Kuala Lumpur : Telaga Biru,  
2015. 250ms.  
ISBN 978-967-388-195-6

Buku ini merungkai persoalan lazim berkaitan kesan rawatan perubatan terhadap ibadah puasa. Perbincangan merangkumi hukum rawatan perubatan, rawatan pembedahan, ujian klinikal, rawatan pergigian dan lain-lain. Setiap isu yang dibincang dibahasakan dalam konteks ilmu fiqah dan kaedah rawatan moden. Buku ini adalah hasil daripada kajian tesis ijazah kedokteran penulis yang telah diolah dengan penggunaan perkataan yang mudah untuk kefahaman umum. Walau bagaimanapun, sebahagian perbahasan tetap dikekalkan sifat akademiknya bagi memberikan pendedahan bahawa hukum-hakam yang ada pada hari ini merupakan hasil perbahasan panjang dan mendalam oleh para ulama silam dan kontemporari. Buku ini sesuai untuk pembaca yang menyukai perbahasan mendalam tentang hukum-hakam ibadah puasa dan kaitannya dengan perubatan moden dalam konteks hari ini.


## SINOPSIS BUKU



Pease, Allan  
**The definitive book of  
body language. Ed.  
bahasa Melayu**  
Batu Caves, Selangor : PTS  
Pub. House, 2015. 416ms.  
ISBN 978-967-411-408-4

Buku yang amat menarik bagi mereka yang ingin mendalami tentang ilmu bahasa badan dan kesan penggunaannya dalam kehidupan seharian. Dengan memahami bahasa badan seseorang dapat menilai situasi berdasarkan perlakuan seseorang yang kadangkala cuba mengambil kesempatan ke atas diri kita. Buku ini sesuai untuk bacaan umum kerana penggunaan bahasa yang mudah difahami. Pembaca akan memperoleh kefahaman tentang tingkah laku seseorang dalam situasi tertentu. Buku ini juga sesuai untuk jurujual, para pengurus, para perunding dan pegawai-pegawai eksekutif dan juga orang awam.


## SINOPSIS BUKU



Md Taib Mat  
**Destini di penghujung  
pelangi : menjuarai  
kecemerlangan &  
mengatasi kegagalan**  
Shah Alam : MTM  
Consultants, 2015. 231ms.  
ISBN 978-983-2636-69-4

Buku ini dihasilkan berdasarkan pengalaman penulis sebagai seorang *coach* bagi *Neuro-Linguistic Programming (NLP)* iaitu satu kaedah yang diperkenalkannya bagi membantu pelajar mencapai kecemerlangan dalam pelajaran. Melalui buku ini penulis memberi bimbingan bagaimana hendak menjadi pelajar yang biasa kepada luar biasa. Pelajar dihadangkan dengan tip dan kaedah untuk menjadi lebih berjaya dan cemerlang. Gagal tidak semsetinya terus gagal jika seseorang itu tidak mahukan kegagalan, buku ini perlu dibaca kerana ia banyak memberi petunjuk untuk membolehkan pembaca mengatasinya. Buku ini turut memberikan panduan untuk mengatasi kegagalan dan menempa kejayaan.


## SINOPSIS BUKU



Jaafar Abdul Rahim, Datuk  
**Dunia pemikiran**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2015.  
395ms.  
ISBN 978-983-46-1984-8

Pemikiran dan ilmu (keilmuan) mempunyai kaitan yang cukup rapat dan saling mendokong antara satu sama lain. Lemah pemikiran, lemah ilmunya dan begitulah sebaliknya. Malahan dalam tradisi Islam, kita digalakkan berfikir dan mendalami tentang alam dan kehebatan ciptaan Allah. Pemikiran dibahagikan kepada dua cabang utama iaitu pemikiran kritis dan pemikiran kreatif. Ini adalah berasaskan kepada teori beberapa ilmuwan terkemuka dalam abad ke-19 dan ke-20 seperti Paul Broca dan ahli psikologi Amerika Syarikat, Roger Sperry. Walaupun perkara yang dibincangkan agak tinggi, buku ini mudah difahami kerana disokong dengan contoh yang terdapat dalam kehidupan harian. Penulis menekankan bahawa budaya berfikir dan berilmuan amat penting dalam masyarakat kini memperjuangkan dan menegakkan kebenaran.


## SINOPSIS BUKU



Rafiza Mohamed  
**Gelandangan : antara tret  
personaliti & religiositi**  
Kuala Lumpur : Institut  
Terjemahan & Buku Negara,  
2015. 147ms.  
ISBN 978-967-0798-30-1

Gelandangan membawa maksud orang yang tidak mempunyai pekerjaan atau tempat tinggal yang tidak tetap. Golongan ini mendiami kawasan sekitar ibu kota sama ada di bawah jambatan, di kaki lima kedai, di celah-celah bangunan dan di perhentian bas. Ianya memberikan suatu gambaran bersifat negatif terhadap golongan ini yang dikaitkan dengan masalah sosial. Isu mengenai gelandangan dikupas dengan lebih jelas oleh penulis buku ini dengan bersandarkan pada perspektif Islam dan Barat. Buku ini dapat memberi sumbangan ilmu untuk kita lebih mengenali golongan gelandangan dan ciri-ciri personaliti termasuk amalan beragama mereka. Sesungguhnya golongan gelandangan Muslim amat memerlukan bimbingan teguh untuk mengeluarkan mereka daripada kepompong kehidupan dunia yang disarankan oleh Islam.


## SINOPSIS BUKU



Penulis banyak menitipkan nilai-nilai persahabatan dalam bentuk yang halus. Setiap bait yang dipersembahkan dalam naskah ini ada maksudnya yang tersendiri. Penulis juga banyak mengingatkan kita tentang ayat-ayat al-Quran yang menyentuh beberapa isu dan nikmat yang diberi Allah termasuk persahabatan. Sebagaimana seorang sahabat yang baik, saling menasihati dan mengingatkan, begitulah niat penulis dalam naskah ini. Penulis menganggap semua pembaca sebagai sahabat dan sebagai sahabat, tujuan manusia hidup dan betapa hebatnya aturan Allah perlu sentiasa diperingatkan.

Darma Mohamed & Muhd  
Kamil Ibrahim  
**Hadiah buat sahabat**  
Batu Caves, Selangor :  
Blink Book, 2015. 140ms.  
ISBN 978-967-0411-54-5


## SINOPSIS BUKU



Azizah Abdul Aziz  
**Hidangan parti**  
Kuala Lumpur : Utusan  
Publications & Distributors,  
2015. 116ms.  
ISBN 978-967-61-2737-2

Buku ini memaparkan pelbagai jenis resepi makanan yang dapat menarik minat kanak-kanak dan sesuai untuk dihidangkan di majlis jamuan kanak-kanak. Terdapat pelbagai kategori makanan yang boleh dicuba iaitu aiskrim, biskut, puding, pizza dan pelbagai lagi. Buku ini mengandungi panduan ringkas dalam penyediaan hidangan yang bukan saja ringkas tetapi menarik dan sangat sesuai untuk para ibu yang mempunyai masa terhad di dapur. Resepi dan gambar menu yang terdapat juga kelihatan menarik dan kreatif serta mengujakan untuk dihidangkan kepada si cilik. Pelbagai dekorasi yang comel dan ceria turut diketengahkan bagi memberi idea yang dapat menambah keenakan dan kelazatan makanan yang disediakan.

## SINOPSIS BUKU




Syed Husin Ali  
**Hubungan etnik di  
Malaysia : harmoni dan  
konflik**  
Petaling Jaya, Selangor :  
Strategic Information and  
Research Development  
Centre, 2015. 230ms.  
ISBN 978-967-0630-77-9

Buku ini adalah terjemahan daripada buku *Ethnic Relations in Malaysia: Harmony and Conflict (New Edition)*, diterbitkan pada tahun 2014 oleh Strategic Information and Research Development Centre. Dalam artikel yang mencakupi lebih daripada tiga dekad ini, yang dikumpulkan buat kali pertamanya dalam buku ini, penulis merungkai asal-usul dan sifat yang merosakkan politik etnik dan mengkaji isu etnik di Malaysia. Terdapat pelbagai etnik di Malaysia dengan fahaman politik yang berbeza. Penulis telah mengetengahkan isu politik Malaysia dari masa dahulu sehingga kini. Dalam edisi baru ini, penulis telah mengemaskini buku ini dari segi fakta dan peristiwa serta telah memasukkan dua lagi artikel tambahan yang berkaitan. Keadaan politik masa dahulu dan masa kini telah dibincangkan di dalam buku ini.



## SINOPSIS BUKU



Dinsman  
**Jelajah budaya**  
Kuala Lumpur : Seniman  
Paksi Rakyat (PAKSI),  
2015. 178ms.  
ISBN 978-967-5695-05-6

Buku ini merupakan himpunan 36 esei pilihan daripada kolum Wacana Budaya yang merakam dan menyimpan rekod kegiatan seni-budaya berserta perancangan yang dilalui oleh kumpulan Seniman Paksi Rakyat (PAKSI). PAKSI adalah sebuah kumpulan seni-budaya yang percaya bahawa seni-budaya mempunyai hak, tempat dan fungsinya dalam masyarakat. Buku ini suatu usaha dokumentasi oleh penulis dalam memperkenalkan kumpulan PAKSI yang dilihat berjaya melaksanakan peranan dan kewujudan mereka sebagai budayawan dan seniman, bukan melalui retorik dan gaya ahli politik, tetapi dengan menggunakan medium utama mereka iaitu melalui seni itu sendiri.


## SINOPSIS BUKU



Xu, You Nian  
**Kajian perbandingan  
pantun Melayu dengan  
nyanyian rakyat Cina**  
Petaling Jaya, Selangor :  
Strategic Information &  
Research Centre, 2015.  
375ms.  
ISBN 978-967-0630-52-6

Keistimewaan buku ini ialah huraian tentang sejarah pertalian kebudayaan di antara negara China dengan negara-negara di Alam Melayu sejak ribuan tahun dahulu. Penulis telah mengangkat topik perbandingan nyanyian rakyat China dengan pantun Melayu. Dengan menyelami fungsi kebudayaan nyanyian rakyat Cina dan pantun Melayu, kita akan dapat menghayati budaya masyarakat yang dipersembahkan dengan alunan yang merdu, lincah dan menarik, namun tetap berbeza antara satu sama lain. Kajian perbandingan ini dilakukan secara mendalam dan meluas, menarik dan ilmiah, menunjuk dan menguraikan banyak persamaan dan kemiripan antara pantun Melayu dan nyanyian rakyat Cina dari segi struktur, pola, rima, tema, metafora dan sebagainya. Dengan ini terungkaplah bahawa sejak masa lampau lagi sudah ada hubungan persahabatan dan pertukaran budaya dunia Melayu dengan negara China.


## SINOPSIS BUKU



Khoo, Bee Lee  
**Kaunseling keluarga :  
pendekatan teori satir**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2015.  
126ms.  
ISBN 978-983-46-1547-5

Buku ini merupakan antara usaha yang diambil oleh pensyarah IPG untuk membantu guru kaunseling sekolah menengah dan rendah, kaunselor dan pegawai psikologi yang berkhidmat di LPPKN, NGO dan hospital, serta para pensyarah. Buku ini juga sesuai dijadikan bahan rujukan pelajar IPT dan golongan ibu bapa pelajar dan orang awam yang berminat untuk mengetahui latar belakang dan kaedah kaunseling keluarga yang efektif. Buku ini terbahagi kepada beberapa tajuk berdasarkan pembahagian topik kaunseling keluarga secara umum dan mengikut Model Satir. Kelebihan buku ini dilihat pada bahagian rumusan dan bahagian soalan refleksi pada bahagian akhir setiap bab untuk memudahkan pembacaan dan kefahaman pembaca tentang isi kandungannya.


## SINOPSIS BUKU



Abdullah Muhammad Al-  
Rasyid  
**Kepimpinan Rasulullah  
dalam peperangan**  
Shah Alam : Grup Buku  
Karangkraf, 2015. 557ms.  
ISBN 978-967-86-0532-8

Sejarah hidup Rasulullah S.A.W., merupakan sumber yang paling besar dan petunjuk yang paling jelas bagi yang menginginkan kebahagiaan dan kemenangan di dunia dan juga akhirat. Peristiwa peperangan yang terkandung dalam sirah Rasulullah S.A.W. seperti Perang Badar, Perang Uhud dan Perang Khandaq menggambarkan Rasulullah S.A.W. sebagai pemimpin yang disegani khususnya dalam hal ketenteraan. Buku ini turut mengangkat kebijaksanaan Rasulullah S.A.W. dengan taktik dan strategi yang digunakan dalam memastikan kemenangan bagi pihak Islam. Kisah kehebatan baginda dalam memimpin tentera Islam menonjolkan ciri-ciri kepimpinan yang seharusnya dicontohi oleh setiap pemimpin masa kini untuk menjadi pemimpin yang hebat seperti Rasulullah S.A.W.

## SINOPSIS BUKU



Zulnaidi Yaacob  
**Membina usahawan  
bersepadu**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2015.  
182ms.  
ISBN 978-983-46-1838-4

Pada masa kini, bidang keusahawanan menjadi salah satu tulang belakang dalam membantu pembangunan ekonomi negara. Sekiranya ingin menjadi usahawan yang berjaya, seseorang itu perlulah mempunyai ilmu, walaupun dikatakan pengalaman itu adalah guru kepada seseorang usahawan, ilmu juga menjadi salah satu faktor kejayaan seseorang usahawan di samping latihan yang konsisten. Inisiatif penerbitan buku ini merupakan usaha penulis dalam membantu memberi jalan kepada usahawan yang ingin terus maju ke hadapan. Penulis menekankan pentingnya meningkatkan ilmu pengetahuan bagi golongan usahawan dalam mendepani cabaran yang dihadapi kerana cabaran umpama pantai dan ombak. Kupasan yang begitu teliti dari sudut cabaran usahawan, pengurusan kewangan, pengurusan pekerja, pengurusan pelanggan dan pengurusan prestasi dapat dikongsi bersama dalam buku ini, dengan bahasa yang mudah dan ringkas.


## SINOPSIS BUKU



Mohd Razali Kamarudin  
**Mengetuk pintu hati**  
Batu Caves, Selangor :  
PTS Pub. House, 2015.  
166ms.  
ISBN 978-967-411-470-1

Hati merupakan salah satu unsur dalaman yang bersifat maknawi. Berfikir, berasa dan membuat andaian terhadap sesuatu adalah datang dari dalam dan dari luar diri yang dilakukan oleh hati. Bak kata orang 'baik buruk datangnya dari hati'. Bertepatan dengan itu, buku ini memberi penjelasan beberapa langkah-langkah yang begitu baik dan bagus untuk proses mendidik di samping membentuk hati. Proses pembentukan dan pendidikan hati perlu kepada latihan kesedaran dalaman agar terbuka jalan untuk membenarkan aliran iman masuk sebagai senjata pembasah hati dan seterusnya mampu menyuburkan kekuatan kepada diri seseorang. Apabila pemikiran, perasaan dan tindakan telah selari, maka perkara yang susah akan menjadi mudah kerana hati tenang dapat berfikir dengan waras dan akan hadir keikhlasan dan keredhaan kepada Allah S.W.T. Maka hiasilah dan layanlah hati dengan perhiasan dan perkara-perkara yang baik agar rohani sentiasa tenang.


## SINOPSIS BUKU



Danial Zainal Abidin  
**Menjadi Ulul Albab :**  
**generasi genius bertaqwa**  
Batu Caves, Selangor : PTS  
Pub. House, 2015. 125ms.  
ISBN 978-967-411-005-5

Ulul Albab adalah mereka yang mempunyai akal yang sempurna dan bersih yang bermaksud pemikiran dan penilaian yang dibuat adalah berlandaskan agama. Mereka mengutamakan zikir dan fikir dalam kehidupan. Dalam surah Ali Imran ayat 190-191, Allah S.W.T. ada menyebut berkenaan golongan Ulul Albab dan mereka dipuji oleh Allah kerana mereka suka melakukan dua perkara iaitu fikir dan zikir. Pada awal bahagian buku ini, ia menceritakan secara saintifik apa itu otak secara fizikal dan merupakan organ penting dalam badan manusia yang membolehkan manusia berfikir sama ada ke arah kebaikan ataupun keburukan. Buku ini sangat sesuai sebagai bacaan umum dan sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat terutamanya para ibu bapa dan guru-guru.

## SINOPSIS BUKU



Lai, Choy  
**Menjejaki Sastera Melayu  
: pengenalan  
kesusasteraan Melayu  
dan tinjauan karya-karya  
Melayu Klasik dan moden**  
Petaling Jaya :  
Gerakbudaya Enterprise,  
2015. 218ms.  
ISBN 978-983-2344-31-5

Buku ini merupakan himpunan artikel-artikel yang pernah disiarkan dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah tempatan di era tahun 70-an hingga 80-an tentang kesusasteraan Melayu. Keseluruhan buku ini terdiri daripada dua segmen iaitu segmen pertama mengandungi artikel yang memperkenalkan kesusasteraan Melayu dan tinjauan karya-karya sastera Melayu klasik dan moden. Perkembangan sastera Melayu dimulakan dengan karya sastera Melayu lama sehingga kepada penghasilan novel dan cerpen. Antaranya termasuk kupasan tentang novel Ranjau Sepanjang Jalan karya Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad dan artikel-artikel pengenalan dan tinjauan puisi-puisi moden Melayu karya pemuisi terkenal tanah air seperti Usman Awang, Kassim Ahmad, Zurinah Hassan dan lain-lain. Melalui buku ini, para pembaca diharapkan dapat menelusuri pandangan penulis terhadap kesusasteraan Melayu yang merupakan khazanah kegemilangan intelek yang amat tinggi nilainya.




## SINOPSIS BUKU



A. Aziz Deraman, Dato'  
**Minda dunia Melayu**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa & Pustaka, 2015.  
420ms.  
ISBN 978-983-46-1703-5

Buku ini menghimpunkan hasil penulisan oleh penulis yang pernah dibentangkan dalam pelbagai persidangan, seminar dan syarahan di Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam, Thailand dan Singapura. Kebanyakan daripadanya dihasilkan semasa penulis berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), sepanjang satu dekad dari tahun 1994 hingga tahun 2004, dan selepas bersara daripada perkhidmatan kerajaan. Selain itu, buku ini juga memuatkan beberapa ucapnama, ucapan dasar atau syarahan kertas kerja yang dibentangkan dalam persidangan, seminar, dan simposium. Penerbitan buku ini dapat meningkatkan lagi pemahaman pembaca terutama daripada yang bukan tergolong sebagai Melayu atau rumpun Melayu, terhadap pemikiran bangsa serumpun yang menetap dalam lingkungan Dunia Melayu. Dengan pemahaman yang lebih mendalam, baru dapat diketahui dan dikenali wajah, keadaan dan kedudukan bangsa rumpun Melayu.


## SINOPSIS BUKU



Asfarena  
**Oh! Mudahnya jahit blaus**  
Shah Alam : Grup Buku  
Karangkraf, 2015. 160ms.  
ISBN 978-967-86-0498-7

Bagi penggemar fesyen, buku ini memaparkan 9 reka bentuk blaus moden yang mudah untuk dijahit dan sesuai digayakan sebagai persalinan harian, untuk ke pejabat atau bersantai. Semua reka bentuk disertakan dengan keterangan terperinci serta gambar sebagai panduan kepada mereka yang ingin mencuba. Pola asas juga turut disediakan bagi memudahkan pembaca untuk belajar menjahit blaus. Pembaca hanya perlu mengikut langkah-langkah dengan tekun dan teliti untuk menghasilkan blaus yang cantik dan kemas. Selain daripada itu, pembaca harus memahirkan diri dalam mengendalikan mesin jahit kerana jahitan yang kemas dan kukuh menjadikan blaus lebih cantik dan sempurna.

## SINOPSIS BUKU




Rosanida Awang ... [et al.]  
**Penderaan seksual kanak-kanak**

Bangi, Selangor : Penerbit  
Universiti Kebangsaan  
Malaysia, 2015. 162ms.  
ISBN 978-967-412-293-5

Penderaan seksual kanak-kanak bukan satu perkara baru malah ianya telah menjadi masalah global. Kanak-kanak dan remaja adalah golongan yang paling mudah terdedah kepada jenayah seksual kerana mereka adalah golongan yang lemah dan mudah terperdaya. Buku hasil daripada kajian penulis yang teretus daripada keprihatinan terhadap isu ini dan atas kesedaran penulis untuk berkongsi hasil kajian mereka. Buku ini memberi penumpuan khusus kepada isu penderaan seksual dalam kalangan kanak-kanak dan hubungkaitnya dengan implikasi traumatik yang boleh menjejaskan kehidupan mereka untuk berkembang. Buku ini memaparkan kes sebenar yang berlaku dalam masyarakat kini. Terdapat sembilan (9) bab di dalam buku ini yang mengupas isu penderaan seksual.

## SINOPSIS BUKU




### **Pengguna dan undang-undang**

Bangi, Selangor : Penerbit  
Universiti Kebangsaan  
Malaysia, 238ms.  
ISBN 978-967-412-299-7

Buku ini berkisar tentang undang-undang perlindungan pengguna yang memfokuskan kepada tiga aspek utama iaitu keselamatan dan kesihatan pengguna, pengguna dan alam sekitar dan tebus rugi pengguna. Penyelidikan untuk topik ini menggunakan kaedah analisis kandungan yang memerihalkan undang-undang yang terpakai di Malaysia yang melibatkan tiga aspek tersebut. Di Malaysia kini telah terdapat lebih 30 undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan pengguna yang terdiri daripada undang-undang persendirian dan undang-undang awam yang dapat membantu pengguna untuk menuntut hak mereka. Buku ini dapat memberikan maklumat kepada pengguna tentang hak mereka yang telah diperuntukkan dalam undang-undang Malaysia dan sesuai dibaca pelajar perundangan serta pengguna yang inginkan maklumat berkaitan hak-hak pengguna


## SINOPSIS BUKU



Canfield, Jack, Hansen, Mark Victor & Hewitt, Les  
**The power of focus. Ed. bahasa Melayu**  
Batu Caves, Selangor : PTS  
Pub. House, 2015. 389ms.  
ISBN 978-967-411-528-9

Kombinasi pengalaman sebenar tiga pakar motivasi terkenal iaitu Jack Canfield, Mark Victor Hansen dan Les Hewitt telah menghasilkan buku *The Power of Focus* yang telah diterjemahkan dalam pelbagai bahasa termasuk versi bahasa Melayu ini. Buku ini menarik kerana kaedah persembahan yang mesra pembaca di samping lakaran kartun dan cerita yang unik. Menurut penulis, kekurangan fokus masih menjadi antara faktor utama kepada pelbagai kesukaran seperti tekanan masa, masalah kewangan, keselamatan pekerjaan dan perjuangan bagi menikmati gaya hidup selesa dan seimbang. Penulis memperkenalkan teknik kejelasan luar biasa bagi membina asas yang kuat dan berdaya tahan dalam memperjuangkan masa hadapan. Setiap bab meliputi pelbagai strategi dan teknik yang diperkuatkan lagi dengan anekdot dan cerita inspirasi. Selain dari pengalaman peribadi penulis, terdapat juga catatan pengalaman peserta seminar *The Power of Focus* yang telah berjaya membina organisasi di peringkat antarabangsa dengan mengikuti prinsip dalam buku ini. Jelasnya, kehebatan minda yang berbekal kuasa fokus mampu mencorakkan masa depan yang kita ingini.

## SINOPSIS BUKU



'Azmin Daud  
**Rahsia pengacara hebat :  
tip & skrip pengacaraan**  
Kuala Lumpur : Institut  
Terjemahan & Buku  
Malaysia, 2015. 98ms.  
ISBN 978-967-0798-29-5

Pengacara ialah orang yang mengacarai sesuatu acara, majlis dan sebagainya, manakala juruacara ialah orang yang sudahpun mahir atau sudah pakar menjadi seorang pengacara. Pengacara atau juruacara amat diperlukan untuk memimpin perjalanan majlis supaya program dan aktiviti itu dapat berjalan dengan lancar tanpa gangguan atau kecacatan serta dapat meninggalkan kesan yang mendalam kepada penonton. Buku ini menghimpunkan pengalaman penulis sepanjang mengacarakan lebih ribuan acara, majlis dan program agar dapat dikongsi kepada semua pembaca yang mahu menjadi pengacara dan juruacara. Pelbagai skrip pengacaraan telah didokumenkan dan disusun sebagai panduan asas untuk menjadi seorang pengacara atau juruacara.

## SINOPSIS BUKU



Sari, Lenan  
**Resepi herba hebat ala bidan. Ed. bahasa Melayu**  
Batu Caves, Selangor : Ar-Risalah Product, 2015.  
198ms.  
ISBN 978-967-448-035-6

Kehamilan merupakan sesuatu yang amat menakjubkan dan membahagiakan bagi pasangan suami isteri. Akan tetapi bagi yang pertama kali mengandung, mereka akan dibaluti kebimbangan dengan proses kehamilan tersebut. Oleh sebab itu, ibu hamil memerlukan bimbingan kehamilan agar sihat dan selamat menjalani proses kelahiran anaknya berjalan dengan normal dan sihat. Buku *Resepi Herba Hebat Ala Bidan* ini mengulas resepi herba yang boleh diamalkan sebagai ramuan makanan, mahupun menu masakan sihat bagi bakal ibu yang mahukan kehamilan yang sihat, proses kelahiran yang normal dan kesembuhan selepas melahirkan anak serta mendapat anak yang sihat. Buku ini juga mengulas ramuan herba mulai sejak kehamilan sehingga selepas melahirkan anak serta panduan bagi penggunaan resepi herba mengikut usia kehamilan. Mudah-mudahan, buku ini memberi manfaat yang besar serta mampu menjawab kegelisahan para ibu / bakal ibu dan bagi mengatasi kebimbangan tersebut.

## SINOPSIS BUKU



Dinsi, Valentino  
**Satu keluarga satu usahawan : "SKeSU"**  
Sepang, Selangor : JSA  
Wise, 2015. 482ms.  
ISBN 978-967-13475-0-8

Konsep SKeSU yang diperkenalkan melalui buku ini adalah sebuah karya orang muda yang mendedikasikan hidupnya dalam dunia keusahawanan di Indonesia. Konsep ini memberikan semangat kepada bakal ahli perniagaan dalam membangunkan perniagaan yang mampu memberi sumbangan besar kepada keluarga, masyarakat dan juga bangsa. Pembaca turut dapat menghayati dan mempelajari pelbagai pengalaman jatuh bangun penulis serta dicoretkan juga pengalaman daripada usahawan-usahawan lain untuk membakar semangat pembaca. Namun harus dilakukan dengan cara yang luar biasa dan bersungguh-sungguh. Dengan judul yang sangat provokatif serta isi yang mudah difahami, buku ini perlu dibaca oleh sesiapa yang ingin memula dan sedang membangunkan perniagaannya. Bahkan, "berniaga disebut Rasulullah S.A.W. sebagai sebaik-baik pekerjaan".




## SINOPSIS BUKU



Ziglar, Zig  
**See you at the top**  
Batu Caves, Selangor : PTS  
Pub. House, 2015. 521ms.  
ISBN 978-967-411-407-7

Zig Ziglar sekali lagi tampil dengan buku motivasi terbaru bagi mereka yang sentiasa berusaha mencari jalan dan panduan untuk mencapai kejayaan. Buku ini membincangkan tentang siapa diri kita dan siapa kita yang sebenarnya dan cara untuk kita meraih lebih banyak peluang kejayaan dengan memberikan lebih tumpuan ke atas aspek-aspek penting yang dibincangkan. Buku ini akan membawa pembaca untuk membuka minda dan fikiran dalam mengejar kejayaan yang diinginkan dalam kehidupan serta akan memberikan motivasi untuk terus berusaha mengatasi masalah kekecewaan sekiranya berlaku kegagalan. Buku ini sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat dan tidak terhad kepada mereka yang terlibat dalam perniagaan sahaja.

## SINOPSIS BUKU



Ridzuan Abu Shah, Mohd  
Farid Dewan & Tajul Arifin  
Muhamad

**Teknik awalan bola sepak**

Puchong, Selangor : First  
Kick Football Training  
Centre, 2015. 220ms.  
ISBN 978-967-12938-0-5

Mereka yang meminati sukan bola sepak pasti tertarik dengan buku ini untuk rujukan asas tentang bola sepak. Teknik permainan bola sepak secara teori dan praktikal dengan cara yang betul serta langkah-langkah yang mesti diambil oleh seseorang pemain bola sepak dan pihak-pihak yang berkaitan, menjadi topik utama. Tip-tip yang dikongsikan oleh penulis dalam buku ini amat berguna kepada kanak-kanak, remaja serta jurulatih yang terlibat dengan bola sepak dalam usaha melahirkan pemain dan jurulatih yang boleh mengharumkan nama Malaysia. Buku ini perlu ada di semua perpustakaan sekolah dan awam agar dapat melahirkan pelapis-pelapis pemain bola sepak negara yang cemerlang.

## SINOPSIS BUKU



Sharifah Al-Qhadri  
**Tinta dari hati**  
Shah Alam : Grup Buku  
Karangkraf, 2015. 312ms.  
ISBN 978-967-446-074-7

Tiada manusia yang tidak mahu menjadi kaya dan hidup bahagia. Namun lumrahnya, kita tidak mungkin mendapat semua yang diimpikan. Ini kerana, apa yang baik pada mata kita tidak semestinya indah pada pandangan-Nya. Buku ini merupakan catatan travelog kembara yang dilalui oleh penulis sendiri dalam menjalani kehidupan. Sebuah kisah benar yang mampu membuatkan pembaca merenung kembali makna kehidupan dan memperbaiki kekurangan diri. Buku ini turut menceritakan peristiwa-peristiwa yang berlaku pada zaman nabi sebagai teladan bersama selitan terjemahan firman Allah S.W.T. Antaranya kisah dua pemuda yang masing-masing masuk neraka dan syurga kerana seekor lalat, cendekiawan barat yang memeluk Islam kerana ayat al-Quran dan pelbagai lagi kisah menarik yang akan meruntun hati pembaca.